

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEMEGANG PAJAK GADAI (PINDAAN), 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pindaan bab 8 dari S 60/02.
3. Pindaan bab 18.
4. Pemasukkan bab-bab 19A, 19B dan 19C baru.
5. Pemansuhan Jadual Pertama.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEMEGANG PAJAK GADAI (PINDAAN), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pemegang Pajak Gadai (Pindaan), 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 (S 60/02).

Pindaan bab 8 dari S 60/02.

2. Bab 8 dari Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 (S 60/02), dalam Perintah ini disebut sebagai perintah utama, adalah dipinda dalam ceraihan (3) dengan memotong "\$1,000" dan dengan menggantikannya dengan "5,000".

Pindaan bab 18.

3. Bab 18 dari Perintah utama adalah dipinda dalam ceraihan (1) —

(a) dengan memotong ", sebagai tambahan kepada jumlah pinjaman," dalam baris pertama; dan

(b) dengan menambah "atau sebagaimana yang dipersetujui di antara pemegang pajak gadai dengan penggadai" sejurus selepas "Jadual Pertama".

Pemasukan bab-bab 19A, 19B dan 19C.

4. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 19 —

"Jaminan oleh pemegang pajak gadai.

19A. (1) Tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah memberikan jaminan sehingga memuaskan hati dan mengikut cara yang ditentukan oleh Menteri yang berjumlah \$100,000.

(2) Jaminan tersebut hendaklah terus berkuatkuasa dan hendaklah berterusan selama 6 bulan setelah lesen itu tamat tempohnya atau dibatalkan.

(3) Jaminan yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) hendaklah disediakan untuk meliputi semua gantirugi dan kerugian dari apa jua pun jenisnya atau mana-mana barang yang digadaikan kepada pemegang pajak gadai.

Penyata kewangan dan akaun.

19B. Tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah mengemukakan kepada pegawai melesen suatu penyata kewangan beserta dengan akaun yang telah diaudit oleh seorang juruaudit yang berkeelayakan pada penutup setiap tahun kewangan pemegang pajak gadai.

Insurans.

19C. Tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah menginsurankan sehingga memuaskan hati pegawai melesen tiap-tiap barang yang digadaikan kepadanya, berkaitan dengan semua gantirugi dan kerugian dari apa pun jenisnya."

Pemansuhan Jadual Pertama.

5. Jadual Pertama dari perintah utama adalah dimansuhkan dan dengan menggantikannya dengan yang berikut —

"JADUAL PERTAMA

bab 18(1)

Perbelanjaan pentadbiran dan bayaran bagi penyimpanan dengan selamat —

Dari 25 sen hingga 50 sen setiap bulan bagi setiap \$100 daripada nilai barang yang digadaikan."

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 25 haribulan Mei, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM